

## Beban Pencemaran Air

Beban pencemaran air adalah kepekatan bahan cemar yang dibawa oleh jasad air pada sesuatu masa yang diberikan. Secara matematik, beban pada dasarnya adalah hasil daripada pelepasan air dan kepekatan bahan di dalam air.

Beban pencemaran air adalah penting bertujuan untuk mengatur strategi dan merancang tindakan pencegahan dan mengawal pencemaran.

Anggaran pengiraan beban pencemaran ditumpukan ke atas lima (5) jenis punca pencemaran air iaitu industri pembuatan, industri berasaskan pertanian, loji pengolahan kumbahan, ternakan babi dan pasar basah.

Pengiraan beban pencemaran di tumpukan kepada tiga (3) parameter utama yang memberikan kesan ketara kepada kualiti air sungai iaitu Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Pepejal Terampai (SS) dan Ammoniakal Nitrogen (NH<sub>3</sub> N).

## BEBAN PENCEMARAN AIR

Kepekatan bahan cemar yang dibawa oleh jasad air pada sesuatu masa yang diberikan.

# 5

**LIMA JENIS PUNCA PENCEMARAN**  
YANG DIFOKUSKAN DALAM LAPORAN KUALITI ALAM  
SEKELILING (EQR) BAGI PENGANGGARAN PENGIRAAN  
BEBAN PENCEMARAN.

PASAR  
BASAH



INDUSTRI  
PEMBUATAN



TERNAKAN  
BABI

LOJI  
PENGOLAHAN  
KUMBAHAN



INDUSTRI  
BERASAKAN  
PERTANIAN

# 3

**TIGA PARAMETER UTAMA PENGIRAAN  
BEBAN PENCEMARAN**

KEPERLUAN OKSIGEN BIOKIMIA

**BOD**

PEPEJAL TERAMPAI

**SS**

AMMONIAKAL NITROGEN

**NH<sub>3</sub>-N**